

Tajuk: sinonim (kata seerti)

Beri **SINONIM (KATA SEERTI)** bagi tiap-tiap perkataan yang bergaris di bawah. (psr 2002)

mendung	hidangan	capai	bersedekah	membela
<u>takjub</u>	<u>hilang</u>	<u>berpindah</u>	<u>waktu</u>	<u>tiruan</u>

- a) Tahun Enam diberi **masa** (_____) satu jam untuk menjawab soalan itu.
- b) Syahmi **memelihara** (_____) tiga ekor anab.
- c) Pak Jalil selalu **menderma** (_____) kepada anak-anak yatim.
- d) Kita hendaklah belajar bersungguh-sungguh supaya dapat **kecapi** (_____) kejayaan.
- e) Suasana menjadi **redup** (_____) apabila matahari ditutupi awan tebal.
- f) Fathiah merasa **kagum** (_____) melihat kecantikan Jame Asr Hassanil Bolkiah itu.
- g) Sheila merasa tertipu kerana membeli jam **palsu** (_____) itu dengan harga yang mahal.
- h) Mereka telah **berhijrah** (_____) ke Kuala Belait.
- i) Adiknya menangis kerana anak patung kesayangannya telah **lenyap**. (_____)

- j) **Jamuan** (_____) hari jadi Wida itu dimasak oleh keluarganya sendiri.

Beri **SINONIM (KATA SEERTI)** bagi tiap-tiap perkataan yang bergaris di bawah. (psr 2003)

penting	keluar	dinyanyikan	melapik	lontar
khobar	rebah	sambung	liang	kata

- a) Lagu “Allah Peliharakan Sultan” itu **dilagukan** (_____) oleh murid-murid dengan penuh semangat.
- b) Beberapa batang pokok telah **tumbang** (_____) ketika rebut melanda semalam.
- c) **Berita** (_____) kehilangan kereta itu telah tersebar melalui telefon bimbit.
- d) **Lubang** (_____) itu digali untuk menanam biji-biji benih itu.
- e) Kita mestilah mendengar **cakap** (_____) ibu bapa dan guru-guru.
- f) Semua guru-guru mengadakan mensyuarat kerana ada beberapa hal **mustahak** (_____) yang hendak dibincangkan.

- g) Mereka terkejut apabila melihat seekor babi hutan **muncul** (_____) semasa mereka berkelah di dalam hutan itu.
- h) "Jangan **baling** (_____) bola itu kuat-kuat," jerit Nurul kepada Amal.
- i) Ibu **mengalas** (_____) meja itu dengan kain yang sangat cantik.
- j) "Tolong **cantum** (_____) potongan gambar-gambar ini supaya menjadi lengkap" kata cikgu kepada murid-murid.

Beri **SINONIM (KATA SEERTI)** bagi tiap-tiap perkataan yang bergaris di bawah. (psr 2004)

irama	hak	faedah	dibawa	hidangan
tanda	juara	dihidangkan	teres	disiasat

- a) Atap rumah itu telah **bocor**. (_____)
- b) Pasukan bola sepak sekolah kami telah menjadi **johan** (_____) seluruh Negara.
- c) Panji-Panji dan Tongkat Ajai adalah **lambang** (_____) kebesaran Negara Brueni Darussalam.

- d) Para jemputan dipersilakan menikmati jamuan yang telah **disajikan**. (_____)
- e) Buku teks sastera baru yang dicadangkan itu telah **diselidiki** (_____) isi kandungannya.
- f) Kami sekeluarga telah menikmati **juadah** (_____) berbuka puasa yang telah disediakan.
- g) Dia menari mengikut **rentak** (_____) muzik yang dimainkan.
- h) Pokok kayu yang tumbang di jalan raya itu telah **diangkat** (_____) ke tepi.
- i) Perniagaan yang dijalkannya itu telah mendapat **laba** (_____).
- j) Kereta mewah yang cantik itu adalah **milik** (_____) bapa saya.

Beri **SINONIM (KATA SEERTI)** bagi tiap-tiap perkataan yang bergaris di bawah. (psr 2005)

komen	hajat	pereka	cedera	saksi
siasat	dukun	keras	menduga	bilang

- a) Kakinya yang **luka** (_____) itu sudah sembuh.

- b) **Bomoh** (_____) itu sedang mengubati pesakitnya.
- c) Amir **meneka** (_____) jumlah wang dalam peti itu.
- d) Dia hanya menerima **kritikan** (_____) yang sesuai dan membina sahaja.
- e) "Cuba awak **hitung** (_____) anak-anak ayam di dalam reban itu?" kata emak kepada saya.
- f) "Tolong **selidik** (_____) punca kejadian itu," kata letua polis kepada pegawainya.
- g) Alexander Graham Bell adalah **pencipta** (_____) telefon yang pertama.
- h) Mahkamah memerlukan **bukti** (_____) yang jelas dalam pembicaraan itu.
- i) Ketua rombongan itu menyatakan **tujuan** (_____) mereka datang ke rumah kami.
- j) Daging dan ikan dalam peti itu sudah **beku**. (_____)

Beri **SINONIM (KATA SEERTI)** bagi tiap-tiap perkataan yang bergaris di bawah. (psr 2006)

enak	mengajar	ganas	bekerjasama	Kikik
gentar	dilapik	jujur	bekerja	membinasakan

- a) Ramai orang bermain **layang-layang** (_____)
di kawasan lapang itu.
- b) Meja itu **dialas** (_____) dengan kain berwarna
merah jambu.
- c) Penduduk Kampung Lumapas **bergotong-royong**
(_____) membina sebuah rumah.
- d) Kerbau yang berkeliran itu sering **merosakkan**
(_____) tanaman penduduk kampung.
- e) Agama Islam **mendidik** (_____) kita agar
mengamalkan akhlak yang mulia.
- f) Pengembara itu sering terjumpa binatang **liar**
(_____) di hutan itu.
- g) Kuih yang disajikan itu sangat **sedap**. (_____)
- h) Azlan bersa **takut** (_____) apabila memasuki
rumah yang sudah usang itu.
- i) Doktor Norhayati **bertugas** (_____) disebuah
kelinik di Bandar.

j) Pegawai-pegawai kerajaan dikehendaki bersikap **amanah**
(_____) dalam menjalankan tugas.